

## Pacu perniagaan anda ke hadapan tanpa halangan.

Pemandu dan kenderaan anda adalah nadi perniagaan anda – **Commercial Vehicle 365 Plan** dan **Commercial Vehicle 365 Plan TPFT** direka khas untuk melindungi kedua-duanya.

Pelan-pelan ini menawarkan perlindungan bersesuaian untuk pasukan dan kenderaan anda bagi mengurangkan gangguan dan memastikan operasi berjalan lancar.

Nikmati perlindungan menyeluruh dengan manfaat seperti Perkhidmatan Bantuan Kerosakan Kenderaan dan Tunda, Elaun Ihsan Banjir, Perbelanjaan Perubatan dan Elaun Ihsan Bagi Kerugian Penuh/Menyeluruh dan Kecurian – memberikan anda keyakinan untuk memastikan perniagaan anda sentiasa selamat, dilindungi dan terus bergerak maju.

### Kelayakan

#### Commercial Vehicle 365 Plan

1. Kenderaan membawa barang dengan permit A & C.
2. Kenderaan perdagangan berumur 15 tahun dan ke bawah.
3. Kenderaan perdagangan 8,000kg dan ke bawah.
4. Ditawarkan kepada pelanggan Liberty Insurance yang mempunyai polisi motor Komprehensif Kenderaan Komersial yang aktif, sebagai pilihan tambahan.

#### Commercial Vehicle 365 Plan TPFT

1. Kenderaan membawa barang dengan permit A & C.
2. Ditawarkan kepada pelanggan Liberty Insurance yang mempunyai polisi motor Pihak Ketiga, Kebakaran & Kecurian (TPFT) yang aktif, sebagai pilihan tambahan.

### Pengecualian

1. Pengecualian untuk Manfaat 1 dan 2 (Terpakai untuk Commercial Vehicle 365 Plan & Commercial Vehicle 365 Plan TPFT):
  - Bunuh diri atau sebarang cubaan ke arahnya (siuman atau tidak siuman).
  - Kehilangan yang berlaku semasa kenderaan perdagangan digunakan untuk sewaan, perlumbaan, rali jalan raya, ujian kelajuan atau digunakan untuk sebarang tujuan berkaitan dengan perdagangan motor.
  - Sebarang kecederaan badan yang mengakibatkan hernia.
2. Sebarang keadaan sedia ada atau kecacatan fizikal atau penyakit, sawan atau apa-apa jenis gangguan seumpamanya.
3. Pengecualian lain dalam polisi asas motor anda.

*Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk melihat keseluruhan pengecualian di bawah polisi ini.*

### Notis Penting

1. Manfaat yang disediakan di bawah Commercial Vehicle 365 Plan dan Commercial Vehicle 365 Plan TPFT adalah terhad untuk melindungi seorang (1) pemandu dan/atau seorang (1) pembantu sahaja.
2. Risalah ini hanyalah penerangan ringkas mengenai Commercial Vehicle 365 Plan dan Commercial Vehicle 365 Plan TPFT. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk maklumat penuh mengenai produk ini.
3. Kenyataan menurut Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Seksyen 129, Jadual 9, Perenggan 5: Menjadi tanggungjawab pelanggan untuk mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah agar tidak memberikan salah penyataan kepada penanggung insurans berlesen semasa menjawab sebarang soalan yang mungkin dikemukakan oleh penanggung insurans yang berkaitan dengan keputusan sama ada untuk menerima risiko tersebut atau tidak serta kadar dan terma yang akan dikenakan.
4. Liberty General Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.



Talian Khidmat Pelanggan

**1 300 88 8990**



Emel

**customer@libertyinsurance.com.my**



Laman Sesawang

**www.libertyinsurance.com.my**



Ditanggung jamin oleh:

**Liberty General Insurance Berhad**

197801007153 (44191-P)

Liberty Insurance Tower, CT9, Pavilion Damansara Heights,

3, Jalan Damanlela, Pusat Bandar Damansara,

50490 Kuala Lumpur, Malaysia.

Peti Surat 11228, GPO Kuala Lumpur,

50740 Kuala Lumpur, Malaysia

Risalah ini adalah untuk makluman am sahaja. Terma, pengecualian syarat dan definisi yang tepat bagi insurans ini dinyatakan dalam Polisi. Untuk maklumat penuh, sila rujuk Lampiran Pemberitahuan Produk yang tersedia di [www.libertyinsurance.com.my](http://www.libertyinsurance.com.my)

**MELINDUNGI SETIAP  
PERJALANAN ANDA,  
MEMACU PERNIAGAAN  
ANDA MAJU KE HADAPAN  
DENGAN YAKIN.**

Ditanggung jamin oleh:  
Liberty General Insurance Berhad 197801007153 (44191-P)

Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

# Perlindungan bersesuaian untuk Pemandu anda dan meliputi Kejadian Tidak Dijangka - Daripada kos hingga ke Elaun.

Kami memahami nilai kenderaan perdagangan dan pekerja kepada perniagaan anda. Namun, kemalangan boleh terjadi ketika aktiviti pengangkutan harian perniagaan anda. Kami komited dalam melindungi perniagaan anda dengan **Commercial Vehicle 365 Plan / Commercial Vehicle 365 Plan TPFT** kami.

## Manfaat dan Ciri-ciri Utama



Kematian / Hilang Upaya Kekal



Perbelanjaan Perubatan



Elaun Ihsan Bagi Kerugian Penuh/ Menyeluruh dan Kecurian

## Manfaat Dan Perlindungan

| No                                                                                                                                                                 | Manfaat-manfaat                                                                                              | Commercial Vehicle 365 Plan |                   |                   |                                                                              |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------|-------------------|-------------------|------------------------------------------------------------------------------|
|                                                                                                                                                                    |                                                                                                              | Permit A & C                |                   |                   | Syarat-syarat                                                                |
|                                                                                                                                                                    |                                                                                                              | Pelan 1                     | Pelan 2           | Pelan 3           | Setiap Individu / Kejadian                                                   |
| 1                                                                                                                                                                  | Kematian Akibat Kemalangan                                                                                   | Tidak berkenaan             | RM20,000          | RM50,000          | Setiap individu / kemalangan / tahun polisi                                  |
| 2                                                                                                                                                                  | Hilang Upaya Kekal                                                                                           |                             | Sehingga RM20,000 | Sehingga RM50,000 | Setiap individu / kemalangan / tahun polisi                                  |
| 3                                                                                                                                                                  | Perbelanjaan Perubat akibat kemalangan                                                                       |                             | Sehingga RM1,000  |                   | Setiap individu / kemalangan / tahun polisi                                  |
| 4                                                                                                                                                                  | Elaun Ihsan Banjir                                                                                           | RM5,000                     |                   |                   | Satu tuntutan / setiap tahun polisi / satu kenderaan                         |
| 5                                                                                                                                                                  | Elaun Ihsan bagi Kerugian Penuh/Menyeluruh / Kecurian Kenderaan                                              | Sehingga RM2,000            |                   |                   | Satu tuntutan / setiap tahun polisi / satu kenderaan                         |
| 6                                                                                                                                                                  | Perkhidmatan Bantuan Kerosakan Kenderaan dan Tunda (Kenderaan berumur 15 tahun dan bawah; 8,000kg dan bawah) | Sehingga 150km              |                   |                   | Setiap perjalanan / hingga 3 tuntutan setiap tahun polisi / setiap kenderaan |
| Premium Tahunan<br>(Tidak termasuk Cukai Jualan & Perkhidmatan (SST). Produk ini tertakluk kepada kadar SST semasa seperti yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia). |                                                                                                              |                             |                   |                   |                                                                              |
| Permit A                                                                                                                                                           |                                                                                                              | RM 160                      | RM 270            | RM 450            | -                                                                            |
| Permit C                                                                                                                                                           |                                                                                                              | RM 140                      | RM 220            | RM 350            | -                                                                            |

| No                                                                                                                                                                        | Manfaat-manfaat                                                                                            | Commercial Vehicle 365 Plan TPFT |                                                      |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------|------------------------------------------------------|
|                                                                                                                                                                           |                                                                                                            | Jumlah Diinsuranskan             | Syarat-syarat                                        |
| 1                                                                                                                                                                         | Kematian Akibat Kemalangan                                                                                 | RM50,000                         | Setiap individu / kemalangan / tahun polisi          |
| 2                                                                                                                                                                         | Hilang Upaya Kekal                                                                                         | Sehingga RM50,000                | Setiap individu / kemalangan / tahun polisi          |
| 3                                                                                                                                                                         | Perbelanjaan Perubatan akibat kemalangan                                                                   | Sehingga RM500                   | Setiap individu / kemalangan / tahun polisi          |
| 4                                                                                                                                                                         | Yuran Ambulans                                                                                             | Sehingga RM300                   | Setiap individu / kemalangan / tahun polisi          |
| 5                                                                                                                                                                         | Elaun Ihsan bagi Kerugian Penuh/Menyeluruh / Kecurian Kenderaan                                            | Sehingga RM1,000                 | Setiap individu / kemalangan / tahun polisi          |
| 6                                                                                                                                                                         | Peralatan Perdagangan, stok perdagangan atau bahan yang rosak dalam kemalangan atau dicuri dari kenderaan. | Sehingga RM1,000                 | Satu tuntutan / setiap tahun polisi / satu kenderaan |
| 7                                                                                                                                                                         | Penyalahgunaan Bahan Api                                                                                   | Sehingga RM 500                  | Satu tuntutan / setiap tahun polisi / satu kenderaan |
| <b>Premium Tahunan</b><br>(Tidak termasuk Cukai Jualan & Perkhidmatan (SST). Produk ini tertakluk kepada kadar SST semasa seperti yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia). |                                                                                                            |                                  |                                                      |
| Permit A                                                                                                                                                                  |                                                                                                            | RM 310                           | -                                                    |
| Permit C                                                                                                                                                                  |                                                                                                            | RM 210                           | -                                                    |